

Kerajaan beri suntikan tambahan RM152.6 juta

BH - 5/11/2023 mlb: 3

Putrajaya: Kerajaan memberi suntikan pinjaman tambahan RM152.6 juta untuk memastikan projek pembinaan kapal peronda luar pesisir (OPV) milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) disiapkan tahun ini.

Mengumumkan demikian, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata projek pembinaan tiga kapal OPV itu kini diambil alih Kementerian Kewangan daripada syarikat milik Tabung Haji, Destini Sdn Bhd se-

lepas ia dikesan menghadapi masalah besar.

“Kita terpaksa berikan satu lagi bentuk suntikan pinjaman untuk projek ini siap dan RM152.6 juta pinjaman terpaksa disediakan.

“Daripada tinjauan kita, projek ini boleh disiapkan, sekurang-kurangnya kapal pertama pada tahun ini dan ini dipantau,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, di sini semalam.

Sebelum ini, media melapor-

kan mengenai persoalan berhubung status tiga kapal OPV Maritim Malaysia yang masih belum diterima.

Lanjut 18 bulan siapkan kapal

Maritim Malaysia sepatutnya menerima sebuah kapal OPV pada Ogos tahun lalu selepas kerajaan memberi lanjutan sehingga 18 bulan kepada syarikat TH Heavy Engineering Berhad (THEE) untuk menyiapkan tiga kapal OPV berkenaan.

Jawatankuasa Kira-Kira Wang

Negara (PAC) sebelum ini juga sudah memanggil Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Maritim Malaysia bagi menuntut penjelasan mengenai kelewatan perolehan OPV.

Maritim Malaysia dalam kenyataan pada 13 September 2022 berkata tiga OPV yang sepatutnya diterima agensi itu pada 2020 masih dalam pembinaan.

Pada masa sama, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, semua badan penguat kuasa diminta meneruskan siasatan dan

memastikan pematuhan peraturan bagi semua perolehan, sama ada di KDN dan Kementerian Pertahanan.

“Ini supaya hal berkaitan keselamatan itu tidak diambil kesempatan, bukan saja menyebabkan kerugian, juga pelaksanaan yang sangat lemah.

“Tindakan pertama mesti selamatkan dan disiapkan mengikut jadual dan keduanya tidak lepaskan sesiapa yang salah guna kuasa, kaut kekayaan, tanpa siasatan,” katanya.